

# Pengaruh Politik Dalam Muzik Indie Di Malaysia

## Political Influence in Indie Music in Malaysia

Nurul Amiera Norazizan

Sharifah Nursyahidah Syed Annuar

Program Sains Politik

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Nurul Amiera Norazizan (amieenorazizan@gmail.com)

### ABSTRAK

*Muzik indie pada asalnya bermula dari bawah tanah sehingga ia mula meledak di arena arus perdana dan hampir membenamkan aliran tersebut. Tahun-tahun kegemilangan indie kemudiannya menjadikan indie sebahagian daripada budaya popular di Malaysia. Segelebihnya daripada pemuzik indie yang mula dikenali masyarakat mula mengambil kesempatan dengan menjadikan kepopularan mereka sebagai medium untuk menyampaikan mesej yang berbaur politik dan penentangan kepada pemerintah. Walau bagaimanapun, masih tidak ada satu pun daripada mereka yang mengakuinya. Kajian ini akan mengkaji bagaimana indie menggunakan budaya popular sebagai medium untuk menyampaikan mesej politik. Selain dari itu, kajian ini juga akan mengkaji bagaimana budaya penentangan itu wujud dalam muzik indie. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu selain daripada menjalankan kajian ke perpustakaan dan menggunakan sumber alternatif seperti e-jurnal dan e-book, hasil daripada kajian ini juga turut diperolehi daripada kajian lapangan iaitu melalui temu bual. Kajian ini telah menemui bual seramai enam orang responden dan salah satu daripadanya ialah sebuah kumpulan indie yang sedang meningkat naik iaitu kumpulan Pitahati. Hasil kajian mendapati bahawa tiga daripada responden percaya bahawa terdapat mesej dan unsur penentangan di dalam lagu-lagu yang disampaikan oleh beberapa kumpulan indie. Walau bagaimanapun, ia datang dalam sulaman seni penulisan atau dalam kata makna lain bersifat tersirat. Manakala, tiga yang lainnya melihat mesej-mesej yang dikatakan berunsur penentangan itu hanyalah sekadar pendapat penulis lirik itu sendiri. Oleh itu, hasil perbincangan telah menyimpulkan bahawa perkataan penentangan itu tidak semestinya membawa kepada huru-hara atau bangkit untuk melawan kerana sehingga kini masih tiada lagi kumpulan indie yang diselek oleh autoriti berkuasa.*

**Kata kunci:** budaya popular, penentangan, muzik indie, mesej, arus perdana

### ABSTRACT

*Indie music originally began as an underground movement and it is starting to surface into the popular mainstream arena. At its peak, indie music nearly overtook the popularity of mainstream music. Indie music also cemented its status as a part of popular culture in Malaysia during its glory days. A number of indie musicians in Malaysia started to take advantage on their massive popularity and they use it as a medium to convey strong political messages and to voice out their displeasures towards the government, although none of them ever admitted to do so. This research will investigate how indie*

---

*music manipulated the popular culture as a medium to convey their expressions on the current political scene. Other than that, this research will also view the existence of counter-culture in the indie music lyrics. This research uses qualitative methods such as conducting research on library materials and using alternative resources such as e-journals and e-books. Other than that, field research method which is interview is also used to obtain more data. This research had conducted interviews on six respondents. One of the respondents is four members of an increasingly popular indie music group called Pitahati. The result of the interviews showed that three respondents believed that counter-culture elements and messages are present in the lyrics of indie music, albeit in an implicit manner. However, the other three respondents believe that the messages that are said to be the elements of counter-culture are merely the lyricist's personal opinion. Therefore, this research had concluded that the counter-culture elements in the lyrics of indie musics would not necessarily lead to chaos or an uprising against the government because until now, no indie groups had been clamped down by the authorities.*

**Key words:** popular culture, counter-culture, indie music, messages, mainstream

## 1. Pengenalan

Globalisasi ini, muzik menjadi sebuah hiburan universal yang diminati oleh hampir semua lapisan masyarakat tidak mengira usia, bangsa maupun agama. Bahkan, terdapat ratusan jenis aliran muzik di dunia yang juga sendiri mempunyai lebih daripada satu cabang muzik. Muzik indie juga tidak terkecuali daripada pengaruh tersebut. Walau bagaimanapun, menariknya dengan muzik indie adalah kerana kebanyakan pemuzik yang membawa aliran genre muzik ini adalah bersifat '*underground*'. Dalam erti kata lain, mereka bermula dari bawah tanah atau dipanggil sebagai muzik bawah tanah (*underground music*) dan mereka juga biasanya tidak terikat dengan mana-mana label. Indie juga merupakan istilah yang digunakan untuk menghuraikan kebebasan daripada label syarikat rakaman komersial serta pendekatan untuk menghasilkan karya menerusi usaha sendiri. Oleh itu, muzik indie dikatakan adalah muzik yang bebas (*independent*) atau tidak terikat secara mutlak dengan industri atau major label. Menelusuri sejarahnya, kemunculan muzik indie adalah kerana wujudnya faktor monopoli dan kekuasaan major label yang menguasai sistem pasaran dan pengagihan muzik secara komersial. Arus ciptaan major label telah mengubah pasaran sebagai tempat dagangan mereka. Indie kemudiannya muncul dengan ideologi kebebasan, berdikari, dan tanpa batas sebagai satu bentuk perlawanan muzik arus perdana. Genre indie juga dapat dibahagikan kepada beberapa jenis, namun genre atau jenis muzik indie kebanyakan adalah bersifat bukan arus perdana (Havids, 2015).

Antara kumpulan-kumpulan pertama yang ditakrifkan sebagai genre muzik indie, atau alternatif, adalah kumpulan-kumpulan seperti *REM*, *The Smiths*, *Husker Du* dan *Sonic Youth*. Kumpulan-kumpulan ini biasa bermain di United Kingdom dan Amerika Syarikat pada tahun 1980-an di pelbagai stesen radio kolej. Stesen radio kolej memainkan peranan yang besar dalam arena muzik indie. Hal ini kerana ia adalah salah satu tempat untuk seseorang boleh mendengar muzik yang sebelum ini tidak diketahui atau bereksperimen dengan muzik yang tidak akan dimainkan di radio arus perdana. Selain itu, kehadiran gaya muzik digital juga turut membantu perkembangan kumpulan-kumpulan indie dalam memperkenalkan karya-karya mereka tanpa perlu mengikat kontrak dengan syarikat rakaman. Selain itu, muzik digital dilihat sebagai platform terbaik sumber promosi kepada band-band indie (Utusan, 2009). Stesen-stesen radio kolej ini kemudiannya berjaya memulakan gerakan dan aliran indie yang berjaya mencipta pengikut setia yang besar.

---

Di Malaysia, genre muzik indie juga amat menjadi pilihan halwa telinga anak muda. Ia bermula dengan kumpulan-kumpulan seperti *Bunkface*, *Gerhana Ska Cinta*, *Hujan*, *OAG* dan *Bittersweet* yang hanya bermain di gig-gig kecil, dengan sendirinya mereka berjaya menarik perhatian dan minat anak muda kepada kumpulan indie (Utusan, 2009). Arus globalisasi yang dibawa dari dunia Barat berkenaan bukan sahaja memberi impak dalam politik dan ekonomi, begitu juga dengan aspek sosial. Hal ini dapat dikaitkan dengan karya-karya muzik indie di negara ini apabila lirik-lirik yang ditulis oleh pemuzik-pemuzik tersebut seolah-olah berunsur politik. Sebagai contoh dalam baris lirik lagu ‘Levitasi’ yang ditulis oleh Malique dan Fynn Jamal ( penyanyi) berbunyi, “*kotakan naiwaituu, katakan nan hakiki, madunya masih ditagihi, dari tabir balaclava ku dihakimi, masih digembala rejim yang menzalimi*”. Lirik-lirik ini pula terselit dalam irama lagu yang amat ‘catchy’ atau menarik untuk didengar anak muda. Oleh yang demikian, muzik dilihat sebagai salah sebuah medium terpenting dalam memberikan pengaruh dalam sosialisasi politik anak muda.

Hal ini membawa kepada perbincangan utama yang ingin dibawa dalam makalah ini. Pengaruh politik boleh dilihat dalam apa jua medium. Justeru, makalah ini bermatlamat ingin melihat sekiranya muzik indie juga dipengaruhi oleh unsur-unsur politik. Lebih-lebih lagi apabila muzik indie amat dekat dengan kelompok anak muda. Irama dan lirik yang tersendiri dalam lagu-lagu mereka mungkin juga menjadi antara sebab yang membuatkan anak-anak muda berasa senang dan selesa dengan genre muzik tersebut. Makalah ini juga hendak melihat pembawaan kumpulan-kumpulan muzik indie tersebut yang tidak mempunyai identiti dan fesyen yang khusus sepertimana dengan punk atau skinhead. Justeru, makalah ini tidak terkecuali dalam membincangkan latar belakang kelahiran indie di Malaysia dan pecahan kelompok indie iaitu kelompok bawah tanah dan kelompok yang diiktiraf oleh label dan mula menjadi arus perdana. Sehubungan dengan itu, makalah ini cuba untuk memahami elemen politik yang mungkin ada disampaikan dalam lirik-lirik muzik indie di Malaysia dan berniat untuk menyedarkan anak muda tentang keadaan politik di negara ini. Akhir sekali, populariti genre muzik indie sebagai medium perantaraan untuk menghantar mesej politik kepada anak muda di Malaysia juga dibincangkan dalam makalah ini. Justeru, terdapat beberapa kerangkap konseptual yang digunakan iaitu budaya popular dan budaya penentangan.

## 2. Metodologi

Kaedah kajian dalam makalah ini ialah menggunakan kaedah kualitatif. Hal ini kerana kajian ini adalah untuk menganalisis pengaruh politik dalam muzik indie di Malaysia. Pertama sekali, ialah kajian kepustakaan. Kebanyakan sumber bahan bagi kajian ini adalah dengan mendapatkan maklumat di perpustakaan. Sumber-sumber bahan kajian ini termasuklah jurnal, buku ilmiah, suratkhabar dan sebagainya. Walaupun sumber rujukan yang tepat bagi kajian ini adalah agak terhad, alternatif lain digunakan untuk mencari bahan iaitu dengan menggunakan buku elektronik ataupun ‘e-book’. Selain itu, oleh kerana kajian yang dijalankan ini adalah mengenai muzik indie, lirik-lirik lagu juga dijadikan sebagai sumber kajian.

Seterusnya ialah kaedah temu bual. Kajian ini menemu bual seramai 5 orang peminat indie yang berusia dalam lingkungan 22-32 tahun. Mereka ini ialah kelompok peminat yang mempunyai ilmu dan pengetahuan yang luas mengenai muzik indie dan politik di Malaysia. Kajian ini juga menemu bual sebuah kumpulan indie tempatan yang sedang meningkat naik namanya iaitu kumpulan PitaHati untuk mengesahkan sendiri keterlibatan dan pengaruh politik dalam muzik indie. Tujuan temu bual ialah untuk melihat pemahaman politik mereka dan

memahami mesej-mesej politik yang mungkin cuba untuk disampaikan dalam lirik-lirik lagu indie mereka.

### 3. Kerangka Konseptual

#### 3.1 Budaya Popular

Sebelum melihat maksud budaya popular, istilah ‘budaya’ itu sendiri harus difahami. Williams (1983) menyatakan budaya ialah satu daripada dua atau tiga perkataan yang sukar diterangkan. Beliau mencadangkan tiga definisi yang luas. Pertama, budaya boleh digunakan untuk merujuk kepada satu proses umum mengenai pembangunan intelek, rohani dan estetik. Sebagai contoh, perkembangan budaya di Eropah Barat yang hanya merujuk kepada faktor intelek, rohani dan estetik. Buktinya, wujud para ahli falsafah, artis dan penyair yang hebat. Seterusnya, penggunaan ‘budaya’ mungkin mencadangkan cara kehidupan yang tertentu, sama ada mengenai orang, tempoh masa tertentu atau kumpulan. Sebagai contoh di Eropah Barat, bukan faktor-faktor seperti intelek, rohani dan estetik sahaja yang menyumbang kepada perkembangan budaya, akan tetapi, literasi, perayaan, sukan, pekerjaan dan praktis golongan intelektual terutama sekali dalam aktiviti kesenian. Dalam erti kata lain, budaya di sini bermaksud teks dan amalan yang utama fungsinya adalah untuk menandakan, untuk menghasilkan atau sebagai sebab pengeluaran makna. Akhir sekali, definisi budaya yang ketiga ini sama dengan yang disebut dalam ‘structuralist’ dan ‘post-structuralists’ sebagai ‘menandakan amalan’. Sebagai contoh, puisi, novel, balet, opera dan seni halus. Oleh itu, untuk mendefinisikan budaya popular, penggunaan definisi kedua dan ketiga dirasakan relevan kerana lebih dekat dengan praktikal budaya.

Ringkasnya, budaya popular terdiri daripada seni, majlis, trend, manusia yang berjaya menarik perhatian masyarakat dan cenderung untuk berterusan menjadi ikon dalam minda masyarakat. Filem, muzik, para selebriti, ahli politik, buku, permainan, fesyen dan pelbagai aspek lain budaya pop yang melibatkan perhatian masyarakat dan sering dibincangkan atau dirujuk untuk menunjukkan persamaan citarasa. Budaya popular tidak sama seperti budaya tinggi (*high culture*) di mana budaya popular kebiasaannya lebih tertarik kepada penonton yang luas yang mempunyai akses segera kepada artifak, imej, dan cerita (Haugen & Musser, 2011).

Williams (1983) membahagikan definisi budaya popular kepada empat definisi iaitu: (1) disukai ramai orang; (2) jenis kerja rendahan; (3) karya yang dilakukan untuk disukai orang; dan (4) budaya yang dibuat oleh seseorang untuk kesenangan diri mereka sendiri. Namun, secara ringkas, budaya popular adalah merujuk kepada budaya yang digemari atau diminati oleh masyarakat secara meluas. Seterusnya, untuk mendefinisikan budaya popular dengan mempertimbangkan budaya terendah. Menurut definisi ini, budaya popular merupakan kategori residual atau baki budaya yang tertinggal untuk menampung praktik budaya yang tidak memenuhi persyaratan budaya tinggi. Dengan kata lain budaya popular didefinisikan sebagai budaya ‘*substandard*’. Apa yang diuji oleh budaya popular adalah meliputi set pertimbangan nilai teks atau praktik budayanya. Sebagai contoh, kompleksiti formal sebuah budaya popular atau dalam kata lain, untuk menjadi sebuah budaya yang sebenar, ia seharusnya menjadi sukar. Kesukaran itu secara tidak langsung menjadikan budaya itu eksklusif. Menurut Pierre Bourdieu, sosiologi Perancis, perbezaan budaya sering kali dimanfaatkan untuk memperlihat dan membezakan antara kelas dalam masyarakat. Citarasa ialah sebuah kategori ideologi yang mempunyai maksud yang mendalam. Ia berfungsi sebagai pemisah antara kelas

---

masyarakat dari segi ekonomi sosial dan tahap kualiti hidup. Bagi Bourdieu, penerimaan budaya oleh satu kelompok masyarakat terdedah secara sedar atau tidak untuk memenuhi fungsi sosial sebagai pengabsahan perbezaan sosial (Storey, 2015)

Perubahan budaya seiring dengan perkembangan zaman telah menjadikan definisi budaya popular menjadi semakin kompleks. Adorno dan Horkheimer (2005) menjelaskan bahawa budaya kini sepenuhnya saling berpautan dengan ekonomi politik dan produksi budaya oleh syarikat-syarikat kapitalis (Burton, 2008). Hal ini ditegaskan oleh Ibrahim (2006), yang menyatakan bahawa budaya popular yang disokong industri budaya (*cultural industry*) telah membina sebuah masyarakat yang bukan sekadar berlandaskan penggunaan, tetapi juga menjadikan semua artifak budaya sebagai produk industri, dan sudah tentunya bersifat berharga. Lull (2000), melihat budaya popular sebagai artifak dan gaya ekspresi manusia yang berkembang daripada kreativiti orang kebanyakan dan beredar dalam kalangan orang ramai menurut minat, kecenderungan dan selera mereka. Sehaluan dengan itu, Lull (2000) menegaskan bahawa budaya popular lahir daripada masyarakat dan tidak dibina oleh pihak luar. Perkara ini disokong oleh Fiske (2007):

*“...popular culture is made by the people, not produced by the cultural industry...  
popular culture is made by the people at the interface between the products of the  
culture industries and everyday life... popular culture is made by the people, not  
imposed upon them; it stems from within, from below and not from above...”*

### 3.2 Budaya Penentangan

Penggunaan istilah ‘*counterculture*’ atau budaya penentangan mula digunakan secara meluas di Amerika Utara pada tahun 1960-an untuk menetapkan gaya hidup yang kemudianya menjadi popular dalam kalangan golongan muda di mana wujud ciri-ciri penolakan secara terbuka kepada nilai ‘*mainstream*’ atau arus perdana – materialisme, pematuhan seksual, dan mengejar kejayaan kerjaya atau lebih mudah dikenali sebagai ‘etika Protestan’. Bertentangan dengan individualisme *atomistic*, ramai ‘*counterculturists*’ mencuba kehidupan kolektif dalam masyarakat, ia terjadi di bandar pada mulanya dan kemudian meningkat di luar bandar. Istilah budaya penentangan ini juga adalah satu adaptasi kepada ‘*adversary culture*’ atau budaya musuh yang merupakan ungkapan yang dicipta oleh pengkritik sastera Lionel Trilling (1905-1975). Dalam pelbagai aspek, budaya penentangan ini merupakan penyebaran budaya dalam skala besar – dibantu oleh eksloitasi media yang berterusan – sebagai contoh untuk menunjukkan fenomena beat/hippies (Roszak, 1969). Selain itu, budaya penentangan ini berperanan aktif dalam menentang sesuatu kekuasaan seperti budaya arus perdana dan kemunculan budaya penentangan ini adalah kerana terdapat desakan untuk mengubah nilai-nilai yang dominan dengan membangkitkan perspektif yang baharu (Sharifah Nursyahidah et al., 2016).

Tahun 1960-an merupakan satu tempoh masa yang sukar kerana tekanan terhadap isu-isu kemiskinan, peluang pendidikan, hak minoriti warga kulit hitam, peperangan dan sebagainya. Antara tarikh-tarikh keramat penentangan budaya di Amerika pada tahun 1960 adalah seperti 6 Ogos 1960, di mana pemimpin Cuba, Fidel Castro (1976-2008) menghentikan segala aktiviti perniagaan yang dimiliki oleh Amerika dan negara-negara luar yang lain. Seterusnya, pada 22 November 1963, Presiden John F. Kennedy (1961-1963) telah dibunuh sewaktu perarakan di Dallas, Texas. Selain itu, pada 10 Disember 1964, Martin Luther King,

aktivis kepada Pergerakan Hak Sivil, yang juga merupakan seorang warga kulit hitam dianugerahkan ‘Nobel Peace Prize’ kerana usaha beliau dalam memperjuangkan keadilan dan kesaksamaan di Amerika. Selain itu, kumpulan muzik terkenal *The Beatles* melancarkan album mereka yang bertajuk, *Sgt. Pepper’s Lonely Hearts Club Band*. Seterusnya, pada 16 Mac 1968, tentera Amerika telah membunuh 504 orang awam Vietnam ketika kejadian Pembunuhan Beramai-ramai di My Lai (*My Lai Massacre*) (Brownell, 2011). Seterusnya, penulis-penulis *Beats* seperti Jack Kerouac and Allen Ginsberg mencabar budaya utama Amerika melalui kerjaya dan gaya hidup mereka, dan mereka juga memberi inspirasi kepada golongan muda untuk mencari pandangan yang berbeza daripada apa yang diturunkan oleh ibu bapa mereka. Selain itu, muzik turut memainkan peranan yang penting dalam perubahan budaya di Amerika. Sebagai contoh, John Chandos Baez telah mengembangkan minat beliau dalam muzik dan keimbangan yang mendalam terhadap penderitaan manusia sejak awal usia beliau lagi. Oleh itu, dedikasi beliau terhadap hak-hak sivil dan gerakan anti-perang serta penulisan lagu dan persembahan beliau yang prolifik telah menjadikan beliau sebagai salah seorang yang penting dalam budaya penentangan 1960-an (Brownell, 2011).

Kebangkitan golongan kulit hitam di Amerika juga dilihat sebagai salah satu insiden penting dalam budaya penentangan. Hal ini kerana, warga kulit hitam di Amerika tetap dilayan sebagai warga kelas kedua walaupun dalam Perlembagaan menyatakan jaminan terhadap pelindungan yang sama rata. Namun begitu, Martin Luther King dan rakan-rakan aktivis lain bersuara dalam menentang pemisahan kaum dan mengadakan demonstrasi besar-besaran sehingga ia berjaya menarik perhatian golongan muda kulit hitam untuk turut serta (Brownell, 2011). Selain itu, antara insiden penting dalam budaya penentangan di Amerika ialah apabila gerakan kebebasan bersuara dan kemunculan budaya penentangan berjaya menginspirasikan banyak media bawah tanah seperti suratkhabar dan majalah yang diterbitkan sendiri yang memaparkan fiksyen, puisi, dan tulisan-tulisan mengenai muzik, seni, falsafah dan politik. Begitu juga dengan *The Monterey International Pop Festival 1967*, festival muzik rock pertama terbesar di Amerika. Wartawan John Bassett McCleary menyatakan “...*the Monterey International Pop Festival... was not just a musical event. It was not just an excuse for young people to come together to do frivolous, youthful things. It was the beginning of a new kind of gathering. It was the beginning of a new form of music. It was the beginning of a political and spiritual movement. Everyone who attended Monterey Pop was changed by the experience...*” (Brownell, 2011).

Seterusnya, pada tahun 1969, Festival Muzik Woodstock (*Woodstock Festival*) telah menjadi simbol gerakan penentangan di Amerika Syarikat. Ia adalah kerana *Woodstock Festival* dilihat sebagai satu bentuk baru dalam persembahan muzik kerana tidak selari dengan aliran arus perdana pada ketika itu. Tambahan pula, sentimen budaya penentangan dinyatakan melalui lirik-lirik lagu dan kata-kata popular pada ketika itu seperti “*do your own thing*”, “*turn on, tune in, drop out*”, “*whatever turns you on*” dan sebagainya (Brownell, 2011). Ringkasnya, kejadian-kejadian ini merupakan kejadian yang penting dalam perkembangan budaya penentangan di Amerika Syarikat dan ia secara tidak langsung telah mengubah budaya utama Amerika kepada beberapa pecahan budaya lain. Budaya penentangan bukan sekadar pecahan budaya utama kepada budaya baru, akan tetapi ia lebih kepada ideologi dan mempunyai nilai politik yang tinggi kerana menentang sesuatu yang utama (Sharifah Nursyahidah et al., 2016).

#### 4. Muzik Indie di Malaysia

Indie yang lahir dari kata '*independent*' membawa maksud bebas dan tidak terikat. Apa-apa sahaja aktiviti atau karya yang dihasilkan mengikut kreativiti sendiri dan tidak terikat dengan mana-mana syarikat atau label besar adalah digelar indie (Kadir, 2011). Indie bukan sahaja terhad kepada muzik malah ia turut merangkumi aspek seni filem, penulisan, fesyen, tabiat dan kepercayaan. Indie secara umum dikatakan sebagai satu cara hidup yang berlainan atau berbeza daripada kebiasaan. Hal ini kerana indie dikatakan lebih gemar bertindak mengikut kata hati sendiri tanpa ingin menerima perintah dari mana-mana autoriti (Kadir, 2011). Namun, indie dari perspektif muzik pula membawa maksud muzik yang bebas atau tidak terikat secara mutlak dengan industri atau major label, yakni secara muzik ia menyimpang dari muzik arus perdana (*mainstream*). Indie kemudiannya ditakrifkan sebagai sebuah ideologi kebebasan, berdikari, dan tanpa batas. Ia turut dirujuk sebagai satu bentuk perlawanan muzik arus perdana. Genre indie juga dapat dibahagikan kepada beberapa jenis (Havids, 2015). Aliran indie dikatakan mula berkembang sekitar tahun 1950-an atau 1960-an dengan idea awal penyokong aliran ini iaitu membebaskan diri dari label rakaman major atau komersial. Oleh itu, mereka mengambil pendekatan untuk menghasilkan muzik secara sendiri sehingga tertubuhnya beberapa syarikat penerbitan indie dan seterusnya perkembangan muzik indie boleh dilihat sekitar tahun 1970-an atau 1980-an (Rashidi & Hidayah, 2015).

Fenomena muzik indie bukanlah satu fenomena baru di dunia apatah lagi di Malaysia dan negara-negara serantau. Permulaan muzik indie di Malaysia dikatakan bermula sekitar tahun 2000. Bermula dari band indie pertama iaitu kumpulan *Butterfingers*, pertumbuhan kumpulan-kumpulan indie di Malaysia bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Oleh kerana genre indie diterima baik dalam kalangan golongan muda, kemunculan kumpulan-kumpulan indie seperti *Hujan*, *Bunkface*, *Estranged*, *Grey Sky Morning*, *OAG*, *Monologue*, *Couple* dan banyak lagi telah memeriahkan lagi industri muzik Malaysia. Namun di sebalik populariti yang diperoleh kumpulan-kumpulan ini yang dilihat setaraf dengan kumpulan muzik arus perdana, tetapi sahaja masih ada lagi segelintir kumpulan-kumpulan indie yang masih belum dikenali masyarakat, bertungkus-lumus untuk keluar dari kepompong muzik bawah tanah dan cuba untuk turut dikenali masyarakat terutama dalam kelompok anak muda (Kosmo, 2010).

Mengimbang kembali pada tahun 2009, industri muzik Malaysia telah menyaksikan kemunculan kumpulan-kumpulan muzik anak-anak muda yang menggelarkan diri mereka sebagai kelompok indie. Peminat-peminat muzik tanah air terutama golongan muda tidak lekang menyebut nama artis indie kegemaran mereka. Media juga dilihat banyak memberi perhatian kepada muzik indie selepas populariti artis arus perdana dilihat menurun (Utusan, 2009). Di Malaysia, kebanyakan artis indie terdiri daripada mereka yang menyanyikan karya mereka dalam Bahasa Inggeris. Kewujudan kumpulan-kumpulan indie di Malaysia bermula sejak awal tahun 1990-an lagi. Akan tetapi, kewujudan mereka tidak diiktiraf kerana kurang mendapat liputan daripada media (Utusan, 2009). Namun, segalanya mula berubah dengan trend artis indie yang mula menukar lirik mereka kepada Bahasa Melayu. Media massa mula mengambil tempat dalam mempromosikan muzik indie di Malaysia. Ledakan ni terus menjadikan satu demi satu kumpulan indie berjaya mencipta nama dalam industri muzik tanah air. Perubahan lirik dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu dilihat memberikan impak yang besar kepada perjuangan kumpulan-kumpulan indie untuk diterima di arus perdana. Kini nama seperti kumpulan *Meet Uncle Hussain*, *Hujan* dan *Bunkface* sudah tidak asing lagi dalam kalangan peminat muzik tempatan.

---

Muzik indie kemudiannya dilihat semakin mendapat tempat di Malaysia apabila kumpulan *Meet Uncle Hussain* berjaya menggondol dua kategori pada pertandingan Hits 1 Akhir Musim Ke-5 pada tahun 2009 melalui lagu mereka ‘*Lagu Untukmu*’. Pertandingan yang disiarkan secara langsung di Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang juga merupakan stesen penyiaran awam milik kerajaan Malaysia menyaksikan kumpulan *Meet Uncle Hussain* memenangi kategori Persembahan Terbaik dan juga Lagu Terbaik Hits 1 hasil undian para juri profesional (Utusan, 2009). Kemenangan mereka membuktikan bahawa muzik indie yang selama ini cuba diketengahkan oleh mereka kian mendapat tempat di negara ini. Menurut kumpulan ini, kemenangan bukanlah perkara pertama bagi mereka, sebaliknya ia adalah perjuangan muzik indie di Malaysia (Utusan, 2009). Selain itu, kumpulan ini pernah menyumbangkan lagu untuk filem tempatan indie iaitu *KAMI The Movie* (2008). Selain itu, RTM juga pernah menganjurkan sebuah program muzikal bertajuk ‘Pop Gen’ pada tahun 2012. Program hiburan yang mempunyai 13 buah episod ini memfokuskan kelompok muda sebagai sasaran utama dan mengajak mereka untuk turut sama mengupas fenomena muzik indie di Malaysia. Program itu disertai oleh artis popular yang sebelum ini dikenali sebagai artis indie seperti *6ixth Sense*, *Hujan*, *Couple*, *Liyana Fizi*, *Altimet*, *Bittersweet*, *Sharpshooter*, *Dafi*, *Reza Salleh*, *Awan Band*, *Awi Rafael* dan *Gaba-Gaba* di mana mereka mengulas tentang topik berbeza setiap minggu dan berkongsi mengenai kisah pengalaman masing-masing dalam industri seni serta perkembangan terbaru mereka (Metro, 2012).

Di samping itu, kumpulan *Meet Uncle Hussain* pernah menggondol anugerah di Anugerah Juara Lagu (AJL) anjuran TV3 pada tahun 2009 dengan lagu sama yang pernah menjuarai Hits 1 anjuran RTM iaitu ‘*Lagu Untukmu*’. Kemenangan mereka dikatakan sebagai sebuah evolusi baru dalam industri muzik apabila mereka menjadi kumpulan indie kedua yang memenangi AJL selepas *Estranged*. Pemilihan *Estranged* dengan lagu *Itu Kamu* sebagai juara AJL ke-22 dianggap sebagai satu pencapaian besar bukan sahaja buat kumpulan itu malah buat aliran indie sendiri. Lagu yang dikatakan asalnya hanya sebuah eksperimental bagi kumpulan indie ini berjaya menembusi tembok arus perdana (Kosmo, 2008). Oleh itu, kemenangan mereka boleh dikatakan berjaya memangkin semangat buat kumpulan *Meet Uncle Hussain* untuk mempertaruhkan lagu mereka dalam anugerah berprestij itu pada tahun seterusnya.

Biarpun bergelar kumpulan indie, namun kumpulan-kumpulan ini diletakkan di bawah aliran pop/rock ketika mereka mempertandingkan lagu-lagu mereka di AJL. Perkara ini bertepatan dengan konsep yang dibawa oleh kedua-dua kumpulan ini di mana *Meet Uncle Hussain* merupakan kumpulan indie yang berkonsepkan rock progresif manakala kumpulan *Estranged* adalah kumpulan berkonsepkan rock. Hal ini tidak membawa makna mereka bukan beraliran indie kerana indie adalah satu bentuk alternatif untuk membezakan genre mereka dengan aliran arus perdana. Dalam indie, turut terbahagi kepada pelbagai genre seperti rock, rock progresif, pop rock dan lain-lain. Mereka digelar kumpulan indie kerana mereka tidak berada di bawah mana-mana *major* label dan mereka mengamalkan sifat *do-it-yourself* (DIY) seperti menulis lirik lagu, bereksperimen dengan lagu dan menghasilkan lagu sendiri.

Seterusnya, ledakan gig-gig kelompok indie bawah tanah berjaya menarik perhatian saluran televisyen swasta Malaysia iaitu 8TV untuk mengadakan satu program realiti pencarian bakat pemuzik yang diberi nama *Twisties Bingit* pada November 2009. Program ini adalah salah sebuah program yang cuba untuk mengetengahkan lagi bakat pemuzik indie (Utusan, 2009). Program realiti ini berjaya melahirkan kumpulan pemuzik indie baharu seperti *Modread*. Perkara ini telah memberi pendedahan secara langsung kepada umum mengenai dunia indie yang semakin berkembang seiring dengan kepesatan aliran arus perdana. Sokongan

yang dihulurkan oleh siaran televisyen 8TV dan RTM ini seolah-olah menyarankan bahawa mereka menyokong fenomena muzik indie yang sedang berlaku di Malaysia sekitar tahun itu. Dalam keghairahan pertumbuhan kumpulan-kumpulan muzik indie di Malaysia, sebuah platform disediakan untuk mengangkat nama kumpulan-kumpulan muzik indie di Malaysia dan serantau. Oleh itu, pada tahun 2010, satu inisiatif pertandingan *band* secara dalam talian (*online*) yang diberi nama *redAMP 2010 Asean's Best Band Competition* menggabungkan 10 buah negara *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) termasuk Malaysia. Menurut Roslan Aziz, pertandingan ini merupakan platform terbaik untuk kumpulan-kumpulan yang tidak mempunyai sebarang kontrak rakaman untuk memperkenalkan karya mereka ke peringkat yang lebih luas (Kosmo, 2010).

Selain itu, pada Julai 2011, siaran televisyen tempatan iaitu TV9 juga tidak ketinggalan untuk turut sama memberi sokongan kepada pemuzik indie dengan menganjurkan karnival dan konsert rock GIG TV9 dengan kerjasama dengan syarikat telekomunikasi DiGi (Kosmo, 2011). Penganjuran karnival dan konsert ini adalah bertujuan untuk memeriahkan lagi industri muzik indie. Pelbagai aktiviti menarik dianjurkan seperti persempahan artis indie terkenal, pertandingan *Battle Of The Indie Bands* dan bengkel muzik (Kosmo, 2011). Program ini berjaya menarik lebih dari 15,000 orang pengunjung di mana rata-rata mereka ialah anak muda (mstar, 2011).

Di samping perkembangan muzik indie yang semakin mendapat tempat di hati anak muda Malaysia, pihak kerajaan turut memandang serius fenomena ini. Menteri Kementerian Belia dan Sukan pada ketika itu Ahmad Shabery Cheek (2009-2013) melihat fenomena ini sebagai satu perubahan serius yang sedang berlaku dalam dunia muzik remaja tempatan. Sehubungan dengan itu, Kementerian bersama Pembangunan Belia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (YOUTH) melancarkan program *Indie Band & Clash of The Band* pada Mei 2010 sempena sambutan Hari Belia Negara. Menariknya, kerajaan amat menyokong penuh aktiviti muzik indie dan ia disifatkan sebagai satu aktiviti berfaedah. Perkara ini dapat dirujuk dengan kenyataan sokongan yang dikeluarkan Ahmad Shabery bahawa pihak Kementerian melihat muzik indie sebagai salah satu cara untuk anak muda berekspresi secara kreatif (Kosmo, 2010).

Seterusnya, zaman emas muzik indie diwarnai lagi dengan sokongan yang ditunjukkan oleh pihak kerajaan buat dua kumpulan indie popular di Malaysia iaitu *Hujan* dan *Bunkface* untuk mengadakan persempahan di Festival Muzik Malaysia. Mereka merupakan antara kumpulan indie yang diberi kepercayaan oleh kerajaan untuk tampil sebagai model indie dan seterusnya menjayakan Festival Muzik Malaysia 2010 (mstar, 2010). Kepercayaan dan sokongan yang diberikan ini semacam pengiktirafan daripada kerajaan kepada kumpulan indie. Vokalis kumpulan *Hujan*, Noh menyatakan rasa terharu beliau dengan sokongan yang ditunjukkan oleh pihak kerajaan. Perkara ini membuktikan bahawa kerajaan peka dengan fenomena anak muda dan kerajaan membuka mata terhadap perjuangan kumpulan indie. Kata Noh, "...kami bersyukur kerana diberi peluang terlibat dalam acara yang diperkenalkan oleh kerajaan, sebelum ini perjuangan kumpulan-kumpulan muzik indie seperti kami seperti dipandang hina..." (mstar, 2010).

Jika dilihat ketika zaman keemasan indie dalam industri muzik tanah air, banyak siaran televisyen baik awam mahupun swasta berlumba-lumba untuk mengadakan program atau aktiviti yang berkaitan dengan indie dengan harapan mereka mampu menarik perhatian kelompok muda dan secara tidak langsung berjaya untuk menaikkan rating siaran mereka. TV1, TV9 dan 8TV berlumba-lumba untuk berada di hadapan bersama kelompok anak muda

---

menerusi fenomena indie. Pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh siaran-siaran televisyen ini seperti pertandingan realiti, konsert, forum hiburan dan pelbagai lagi. Siaran-siaran ini dilihat berminat dengan fenomena yang hangat melanda Malaysia pada ketika itu.

Muzik indie Malaysia diangkat lagi apabila Yuna atau nama sebenarnya Yunalis Zarai, penyanyi indie solo yang berjaya mengembangkan sayapnya ke luar negara. Pada tahun 2012, Yuna tampil di Festival Muzik Loollapalooza yang berlangsung di Grant Park, Chicago, Amerika Syarikat. Beliau menjadi artis solo pertama dari Asia Tenggara yang membuat persembahan di festival muzik tersebut (Rolling Stone, 2012). Seterusnya, kelompok muzik indie di Malaysia sekali lagi menumpang nama baik dari sebuah kumpulan indie lokal iaitu *Salammusik* apabila kumpulan ini menjadi penerima Lagu HipHop Terbaik di *Voice Independent Music Awards* (VIMA) pada tahun 2016 (Metro, 2017). VIMA merupakan sebuah medan pengiktirafan muzik indie di Asia Tenggara dan ia adalah sebagai satu medium yang membuka ruang untuk pemuzik lebih dikenali di serata dunia. Pengasas VIMA, Siva Zaphod Chandran menyatakan biarpun sempadan antara muzik arus perdana dan indie masih kabur, namun VIMA mengiktiraf bakat pemuzik indie yang kreatif dan unik selain membuka laluan kepada mereka untuk pergi lebih jauh (Metro, 2017). Oleh itu, pencapaian *Salammusik* ini secara tidak langsung menaikkan taraf muzik indie di Malaysia. Selain *Salammusik*, Yuna juga pernah memenangi anugerah VIMA pada tahun 2009 dalam kategori Penyanyi Pop Terbaik.

Namun, di sebalik kegemilangan yang diraih pemuzik indie, tetap juga ada pasang surutnya. Muzik indie yang berjaya mendapat perhatian golongan muda telah sampai ke jalan buntu apabila pengaruh muzik tersebut dilihat semakin pudar walaupun masih ada lagi beberapa kumpulan yang aktif mengeluarkan lagu dan mengadakan persembahan. Jika diimbas kembali sekitar sembilan tahun lalu, muzik indie boleh dikatakan berada di puncak apabila berjaya menarik ramai penggemar muzik untuk meminati genre mereka. Hal ini terbukti apabila puluhan kumpulan yang memperjuangkan genre ini muncul seiring dengan kekerapan lagu-lagu mereka yang dimainkan di corong-corong radio (Kosmo, 2014). Walau bagaimanapun, penurunan minat masyarakat terhadap genre indie dizahirkan pada Festival Muzik Indie Kuala Lumpur tahun 2012 di Laman Santai, Istana Budaya. Festival yang berlangsung dari jam 3 petang mendapat sambutan hambar daripada orang ramai biarpun tiket masuk adalah percuma (Utusan, 2012). Biarpun ada beberapa kumpulan indie yang dikenali ramai seperti *OAG* dan *Monologue*, namun peminat yang hadir dapat dihitung dengan jari. *OAG* sebagai kumpulan terakhir yang membuat persembahan hanya disaksikan oleh 50 orang lebih peminat yang tetap setia menunggu sehingga jam 11.45 malam (Utusan, 2012). Kejadian ini dilihat sebagai satu aras kejatuhan muzik indie apabila kumpulan-kumpulan muzik indie gagal menarik kehadiran orang ramai untuk menyaksikan persembahan mereka. Seterusnya, kejatuhan muzik indie di Malaysia turut diakui oleh salah sebuah kumpulan indie lokal iaitu *Grey Sky Morning*. Mereka menyatakan bahawa kemeriahannya yang dirasai kumpulan indie kini tidak semeriah dahulu. Kumpulan yang bertapak dalam industri Malaysia sejak tahun 2008 itu merasakan bahawa fenomena indie mula dilihat hilang daripada anak muda. Bagi mereka, ketika zaman kegemilangan indie, sokongan yang diraih cukup memberangsangkan dan stesen-stesen radio juga tidak putus-putus memutarkan lagu kumpulan mereka dan artis indie lain (Kosmo, 2014). Kata vokalis kumpulan itu, “...zaman kegemilangan muzik indie tidak kekal lama. Band-band yang ada pada hari ini pun jarang diketengahkan serta kurang dikenali pendengar...”.

Selain dari itu, sekitar awal Jun 2015, muzik indie tiba-tiba turut menjadi isu hangat apabila slaid pengisian program Biro Tatanegara (BTN) tersebar luas di media sosial. Salah

satu slaid tersebut mencadangkan bahawa bahan sastera dan muzik indie menerapkan nilai anti-kerajaan dan mungkin mempunyai impak ke atas politik negara. Slaid yang tersebar itu menyebabkan kekecewaan anak muda yang menganggap ia sebagai bukti bahawa agensi kerajaan seperti BTN sedikit pun tidak mengenali golongan muda di Malaysia. Slaid tersebut menggambarkan bahawa gerakan indie adalah satu konspirasi politik yang semakin berkembang (Sinar, 2015). Antara gerakan indie yang disenaraikan ialah seperti Universiti Terbuka Anak Muda, *The Sponsorship Movement*, Kuliah Buku, Pusat Kajian dan Apresiasi Filem, Kelab Filem Bangsar, *Frinjan* dan Buku Jalanan (Malaysiakini, 2015).

#### **4.1 Kelompok Penggiat dan Peminat Muzik Indie di Malaysia**

##### **Pitahati**

*Pitahati* ialah sebuah kumpulan yang berasal dari Lembah Klang, Selangor. Kumpulan yang tertubuh pada tahun 2011 ini dianggotai oleh Zahar (gitar utama/efek bunyi/vokal) dan Masrin (bass/vokal/efek bunyi) serta gabungan adik-beradik yang merupakan anak kepada lagenda hidup, Dato' M.Nasir iaitu Ilham (vokal/piano/gitar), Yasin (drum/vokal/perkusi/synthesizer) dan Hidayat (gitar/synthesizer/vokal). Sehingga kini, mereka telah mengeluarkan dua buah album iaitu Fonetik Anak Candal (2014) dan Selamat Datang Ke Panggung Suara (2016). Antara undangan pertama yang diperoleh mereka adalah semasa Festival Belia Putrajaya pada tahun 2011. Semenjak itu, mereka mula menerima undangan-undangan persembahan tidak kira berbayar atau untuk amal. *Pitahati* juga mengadakan jelajah mereka sendiri secara berdikari. Kumpulan ini didakwa menganut aliran indie, namun menurut *Pitahati* (2017: temu bual), kumpulan mereka tidak meletakkan apa-apa genre yang spesifik. Namun, jelasnya muzik mereka mempunyai elemen rock dan campuran elemen-elemen muzik lain. Menurut *Pitahati* (2017: temu bual), mereka tidak dapat melabelkan diri mereka sebagai indie kerana mereka bernaung dibawah label produksi iaitu produksi Luncai Emas. Walau bagaimanapun, dari sudut muzik itu sendiri mungkin boleh diklasifikasi sebagai indie kerana mereka menghasilkan dan mengeluarkan muzik mereka sendiri. Mereka berekspresi dengan cara merevolusikan muzik mereka tanpa ada sekatan daripada label mereka. Oleh itu, mereka boleh dikatakan indie dari segi kebebasan mereka menghasilkan lagu mereka tersendiri. Walau bagaimanapun, mereka akui bahawa mereka bukan kumpulan indie yang tulen. Namun, kumpulan ini di ‘cop’ indie oleh masyarakat kerana nama mereka masih lagi samar-samar dalam industri muzik dan lagu *Bintang Biru Kristal* lebih diterima baik oleh mereka yang bergelumang dengan muzik indie dan bawah tanah.

Menurut Masrin (2017: temu bual), aliran indie muncul kerana terdapat ruang-ruang kosong di dalam industri muzik. Oleh itu, pemuzik yang mempertaruhkan muzik mereka dalam aliran indie merasakan bahawa indie adalah sebuah peluang untuk mereka terdedah dalam industri muzik. Tambahan, aliran indie sahaja peluang untuk mereka menunjukkan bakat, diri dan kemampuan mereka dalam muzik. Menurut Masrin lagi, sebelum lahirnya *independent*, telah wujud *scene-secene underground* dan ‘aliran-aliran kiri’ iaitu aliran yang tidak diterima ramai. Aliran-aliran kiri disini bermaksud aliran selain daripada arus perdana atau aliran yang lari dari kebiasaannya. Aliran kiri yang dinyatakan ini secara tidak langsung mencadangkan bahawa aliran muzik ini mempunyai perkaitan dengan politik namun mungkin juga ia hanya bermakna ia adalah muzik yang tidak diterima oleh masyarakat arus perdana. Selain itu, bagi Masrin, *independent* itu adalah bersifat fleksibel dan tiada kawalan. Perkara ini berbeza dengan

---

aliran arus perdana di mana mereka dikawal oleh badan berkepentingan yang hanya memandang keuntungan semata dan tidak akan ‘berjudi’ kepada sesuatu yang tidak akan mendatangkan faedah kepada mereka. Beliau turut berpendapat bahawa *independent* juga bermaksud kebebasan untuk berkarya dan tiada sekatan untuk ekspresi.

Menurut Ilham (2017: temu bual), muzik indie sememangnya sebahagian daripada budaya popular kerana seperti yang diketahui umum, muzik indie cukup popular dalam kalangan golongan muda. Beliau menyatakan bahawa jika pemuzik indie tersebut terpengaruh atau terkait dengan politik, maka mereka akan cuba untuk menjadikan budaya popular ini sebagai medium untuk mengekspresikan idea politik mereka. Perkara ini berlaku seandainya kumpulan tersebut adalah penyokong kepada sesuatu idea politik dan ia akan memperlihatkan bahawa kumpulan tersebut memihak kepada sesebuah idea atau parti. Tambah Hidayat (2017: temu bual), budaya popular adalah sebagai satu alternatif ekspresi buat pemuzik indie itu sendiri. Tambahnya lagi, lagu-lagu indie adalah berbeza dengan lagu-lagu aliran arus perdana. Hal ini kerana lagu-lagu indie mempunyai mesej yang cuba diselitkan dalam setiap lirik mereka iaitu mesej bukan sahaja dari sudut sosial malah politik juga. Berbeza pula dengan lagu-lagu aliran arus perdana yang kebanyakannya *cliché* dengan unsur-unsur cinta. Walau bagaimanapun, menurut Pitahati (2017: temu bual), mereka tidak cuba untuk menyampaikan apa-apa mesej politik melalui muzik mereka. Jika merujuk kepada lagu berserta video klip *Melayar* dapat dilihat seperti wujud unsur-unsur politik. Namun, menurut Ilham (2017: temu bual), Pitahati menghasilkan lagu untuk rakyat dan bukan untuk mana-mana parti politik. Tambahnya, lagu *Melayar* tidak langsung mempunyai perkaitan dengan unsur-unsur politik. Karya tersebut tidak ditujukan kepada mana-mana autoriti atau parti politik, ia hanyalah lagu dari marhaen kepada marhaen lain. Apa yang tersembunyi di sebalik hasil nukilan tersebut adalah mengenai isu sosial yang sedang berlaku bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia (2017: temu bual). Walau bagaimanapun, penampakan simbolik-simbolik seperti duit, pengemis dan kanak-kanak lelaki yang seakan-akan memakai mahkota raja dalam video lagu tersebut seperti mempunyai mesej politik yang cuba diselitkan. Namun, menurut Pitahati (2017: temu bual), interpretasi orang ramai yang menyebabkan mengapa lagu *Melayar* itu dilihat seperti menyelitkan unsur politik walaupun ia adalah sebaliknya. Menurut Pitahati (2017: temu bual), mereka cuba untuk menjadi neutral dan tidak berpihak kepada mana-mana parti. Hal ini supaya mereka lebih bebas berkarya dan lebih mudah untuk menyampaikan mesej dan kritikan. Walaupun mereka dilihat cuba berselindung di sebalik seni-seni penulisan, namun tafsiran orang ramai mencadangkan bahawa kumpulan ini mempunyai keinginan untuk menyampaikan mesej sosial atau politik dalam lagu-lagu mereka.

Selain itu, biarpun berilhamkan hasil penulisan karya Iwan Fals, A.Samad Said dan Pramoedya Ananda Toer yang dilihat sebagai figura-figura yang dekat dengan politik, namun Pitahati mengakui cuba untuk bersifat bebas dan tidak memihak kepada mana-mana. Namun, ini secara tidak langsung turut mencadangkan bahawa gerakan muzik yang dibawa bukan sahaja cuba untuk menyampaikan sebarang lagu akan tetapi lagu yang berunsur mesej politik. Walau bagaimanapun, menurut Pitahati (2017: Temu bual), mereka hanya mengagumi penulisan figura-figura tersebut yang dianggap begitu halus seninya, sedap didengari dan pakar dalam gaya bahasa. Tambah mereka, seseorang itu boleh merasa hidup hanya dengan mendengar kepada karya-karya mereka. Selain itu, jika dilihat dari perspektif politik, ketiga-tiga seniman ini bukan bersifat partisan di mana mereka hanya mengkritik dan itu antara sifat yang cuba diterapkan mereka. Oleh itu, ia seperti menyimpulkan bahawa Pitahati seolah-olah

---

cuba untuk membawa mesej politik namun disampaikan dalam kritikan halus di sebalik lirik-lirik yang puitis.

### ***Hafiz***

Hafiz ialah seorang lelaki berusia 32 tahun dan merupakan salah seorang tenaga pendidik di sebuah sekolah menengah di pekan kecil Jasin, Melaka. Menariknya, pendidik ini pernah berekspresi dalam pelbagai *scene* sepanjang beliau cuba untuk mencari identiti diri. Bermula dari punk, beliau terus meneroka pelbagai *scene* dan akhirnya terjebak ke indie sehingga kini. Beliau pernah bersama beberapa kumpulan indie seperti *Chaise Lounge*, *The Rhaman*, *Khottal* dan kini *Iztru*. Minat yang mendalam terhadap indie telah menginspirasikan beliau untuk membuka sebuah ruang makan dan santai yang diberi nama ‘*Corm*’ di pekan Jasin. Walaupun kini beliau adalah seorang pendidik tetap, namun minat beliau terhadap indie tidak pernah putus. Disoal mengenai definisi indie, beliau menyatakan bahawa istilah indie itu sendiri di Malaysia spesifiknya telah didera penggunaannya atau digunakan secara berlebihan. Menurut Hafiz (2017: temu bual), indie di Malaysia secara umum bermaksud semua kumpulan muzik yang berada di luar label utama sebagai contoh mereka yang tidak duduk di bawah *EMI* dan *Sony*. Tambahnya, indie sebenarnya bermula dari sebuah genre iaitu perubahan daripada punk rock kepada muzik alternatif. Indie dan bebas adalah dua perkara yang berbeza namun kini ia dianggap selari bersama. Hafiz turut menyatakan bahawa indie membawa semangat dari sisasisa punk sebagai contoh DIY. Tambah beliau, indie juga adalah semangat namun tidak bersifat kacau bilau seperti punk. Selain itu, dari sudut teknikal juga, indie juga berbeza dari genre-genre lain. Sebagai contoh, mereka menggunakan ‘*three codes*’ dan daripada situ muzik indie boleh berkembang. Menurut Hafiz (2017: temu bual), untuk menyifatkan bahawa muzik indie menyembunyikan mesej politik di sebalik lagu mereka adalah kurang tepat. Genre indie mungkin dapat dijadikan sebagai salah satu metod untuk digunakan sebagai medium penyampaian. Tambah beliau, bukan genre indie sahaja yang boleh dijadikan seruling untuk meniupkan mesej-mesej berunsur penentangan dalam lagu. Jika seseorang pemuzik itu benar-benar ingin menyampaikan mesej politik, mereka boleh menyampaikan mesej politik dalam muzik arus perdana kerana muzik ini lebih didengari oleh lebih luas masyarakat berbanding muzik indie yang hanya didengari oleh segelintir kelompok. Tambahnya, jika diberi peluang untuk menyampaikan pesanan politik, beliau akan menyerapkan mesej-mesej tersebut dalam lagu-lagu aliran arus perdana kerana ia lebih dekat dan lebih senang diterima oleh semua lapisan masyarakat.

Seterusnya, walaupun ia mempunyai mesej politik yang tersirat, tidak semua mampu untuk merungkai mesej di sebalik lirik-lirik tersebut (2017: temu bual). Perkara ini seperti mencadangkan bahawa sedikit sebanyak muzik indie mungkin telah dijadikan sebagai medium untuk menyampaikan mesej politik. Walau bagaimanapun, ia memerlukan mereka yang berfikir secara kritis untuk menghuraikan maksud yang tersirat atau ia hanya akan menjadi sekadar hiburan semata. Hafiz (2017: temu bual) cuba menghuraikan mesej di sebalik lagu ‘*Mawar Khayalan*’ oleh *Laila Lounge* dan ‘*Kelab Jiwa Muzik*’ oleh *Pretty Ugly*. Baginya, ‘*Mawar Khayalan*’ adalah pandangan peribadi penulis tentang sesuatu yang perlu diluahkan. Oleh itu, apa yang dapat diinterpretasikan melalui lagu ini, ia adalah suatu eskapisme tentang permasalahan yang dihadapi. Ia tidak terlalu jelas dan perkara ini dipanggil ‘*subtext*’. Wujudnya benda-benda yang subliminal di mana tidak terang apa subjek utama atau bentuk perlawan yang cuba disampaikan. Bagi ‘*Kelab Jiwa Muzik*’ pula, beliau menyatakan bahawa

---

ia merupakan perlawanan kepada perlawanan. Tambah beliau, secara analoginya lagu ini adalah ibarat tempat untuk berehat setelah habis berdemonstrasi. Hal ini kerana, bagi Hafiz mereka lebih menggalakkan untuk masyarakat duduk mendengar muzik daripada melakukan perkara tidak berfaedah. Oleh itu, Hafiz meringkaskan bahawa sebenarnya jarang ada lagu yang menentang politik secara terang-terangan melainkan lagu yang dibawa adalah bersifat pro-kerajaan. Walau bagaimanapun, ini sedikit sebanyak mencadangkan bahawa wujud elemen-elemen politik dalam muzik indie walaupun sekecil hama.

### **Saiful**

Anak jati Kuala Lumpur ini merupakan salah seorang daripada anggota kumpulan bawah tanah iaitu *Paus*. Berusia 22 tahun dan mula terjebak dalam kancang muzik underground sejak berada di bangku sekolah menengah. Biarpun kumpulan mereka tidak langsung dikenali ramai, ia tidak mematahkan semangat mereka untuk tetap berjuang dalam *scene underground*. Menurut Saiful (2017: temu bual), indie bermaksud bebas dimana seseorang artis tidak kira seorang pemuzik, pelukis atau penulis, mereka bebas untuk mengekspresikan apa sahaja yang mereka rasa dalam karya mereka. Jika dilihat dari sudut muzik secara spesifik, muzik indie adalah pemuzik yang membawa aliran ini yang tidak terikat dengan mana-mana label utama. Ringkasnya mereka bergerak secara sendiri dan menguruskan segalanya dari segi penghasilan lagu, pengeluaran lagu dan pembahagian album atau EP secara sendiri. Saiful bersetuju bahawa indie adalah sebahagian daripada budaya popular dan muzik indie sememangnya dijadikan medium untuk menyampaikan mesej politik. Beliau merujuk kepada kumpulan *Hujan* dan *Bunkface* yang pada beliau begitu lantang dalam menyuarakan isi hati mereka dalam bentuk lagu. Antara lagu yang dirujuk beliau adalah ‘Ludah Amerika’ oleh *Hujan* dan ‘Panik’ oleh *Bunkface*. Lagu ‘Panik’ pernah digam oleh stesen RTM kerana lagu mereka dianggap berunsur politik. Bagi *Hujan* pula, biarpun lagunya tidak digam di mana-mana stesen radio namun ia jarang dapat didengari. Menurut Saiful lagi, beliau memahami maksud lirik lagu ‘Wajah’ oleh *Laila Lounge* namun secara kasar. Kata beliau, lirik tersebut adalah bersifat personal atau lebih kepada pandangan penulis lirik itu sendiri. Penulis menceritakan tentang masalah sosial atau politik atau menceritakan pengalaman hidup mereka dan diekspresikan dalam lagu. Tambah beliau, boleh dikatakan wujud elemen politik dalam lirik tersebut biarpun tersembunyi. Walau bagaimanapun, Saiful tidak cuba untuk mendalami mana-mana lagu indie kerana baginya terlalu sukar untuk memahami maksud di sebalik setiap lagu. Oleh itu, sekadar mendengar adalah pilihan terbaik buatnya. Malah, walaupun ini adalah salah satu inisiatif yang baik untuk mengambil bahagian dalam memberi kesedaran politik kepada pendengar, ia seperti tidak dapat diterima oleh pihak-pihak tertentu sehingga menimbulkan persoalan. Oleh itu, hanya lagu-lagu mereka yang popular sahaja yang dapat dimainkan di radio atau kaca televisyen. Seterusnya, Saiful dalam keadaan bersetuju dan tidak bersetuju bahawa muzik indie mampu untuk membantu dalam memberi kesedaran politik kepada masyarakat. Hal ini kerana, menurut Saiful (2017: temu bual), ia boleh memberi pengaruh kepada masyarakat terutamanya anak muda hanya jika mereka faham maksud tersirat di sebalik lagu. Mungkin ada kelompok yang mendengar lagu dan cuba untuk mendalami maksud lirik. Selain itu, ada juga yang hanya mendengar dan menganggap ia sebagai satu hiburan semata.

---

**Fazrullah**

Fazrullah, berusia 23 tahun, merupakan seorang peminat tegar indie. Beliau berada di lapangan indie sejak dari bangku sekolah menengah dan masih tetap mengikuti perkembangan indie di Malaysia. Fazrullah (2017: temu bual), menyatakan bahawa sewaktu zaman kegemilangan muzik indie, mungkin benar ia telah dijadikan sebagai medium perantara atau sebagai suara buat anak muda mengenai keadaan politik atau sosial. Namun, zaman media sosial kini, berita-berita politik lebih senang disebarluaskan di *Twitter*, *Facebook* dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, jika masih ada pemuzik indie yang menggunakan muzik mereka untuk menyampaikan mesej politik ia dianggap sebagai satu inisiatif yang unik dan bagus. Antara lagu yang ditafsirkan beliau adalah lagu ‘Wajah’ oleh *Laila Lounge* di mana beliau menyatakan bahawa lagu ini mengajak pendengar untuk duduk berfikir. Ia juga mengajak pendengar untuk merenungkan apa yang telah dan sedang berlaku di dalam negara. Sebagai contoh, hipokrasi pemimpin dan rasuah yang berleluasa. Tambah beliau, penulis lirik mencarikan kedamaian lalu mengekspresikan hal ini dalam bentuk lagu. Beliau turut menyatakan bahawa wujud istilah-istilah politik dalam lagu ini namun tetap ia adalah sebuah seni yang ‘bertapis’. Bagi Fazrullah, untuk mempersetujui muzik indie mampu memberi pengaruh politik kepada kelompok muda adalah kurang tepat. Hal ini kerana, mereka yang sedar wujudnya unsur politik dalam sesebuah lagu itu adalah mereka yang membaca dan mendalami sesebuah lirik lagu.

**Nazrin**

Nazrin berusia 22 tahun dan bekerja sebagai seorang penyelia di Kepong, Kuala Lumpur. Bagi Nazrin (2017: temu bual), beliau melihat muzik indie boleh dijadikan sebagai pengantara mesej politik. Jika sesebuah lagu dihasilkan dengan cara yang santai dan mesej yang cuba untuk disampaikan mudah difahami maka ia mampu untuk menjadi salah satu daripada medium yang kuat. Hal ini kerana, semua orang tidak lari daripada mendengar muzik-muzik baru dan jika ia disampaikan dengan cara yang mudah maka ia akan senang sampai kepada pendengar.

Tambah Nazrin, jika dilihat lagu-lagu indie kini, sebagai contoh *Monologue*, mereka mungkin mempunyai mesej yang ingin disampaikan namun lirik mereka terlalu mendalam sehingga pendengar hanya mendengar untuk hiburan. Walau bagaimanapun, buat mereka yang mengkaji maksud di sebalik lirik dapat memahami mesej yang disampaikan. Hal ini mungkin kerana kumpulan-kumpulan yang popular sehingga mula dikenali oleh pihak pemerintah terpaksa bersembunyi di sebalik kiasan, metafora dan sebagainya supaya mereka masih lagi kekal bertahan untuk memperjuangkan muzik mereka. Bagi Nazrin, beliau dapat mentafsirkan lirik di sebalik lagu ‘Mawar Khayalan’ oleh *Laila Lounge*. Biarpun tidak pasti adakah benar perkara tersebut yang cuba disampaikan oleh kumpulan itu namun itulah yang dapat difahami oleh beliau. Apa yang dapat difahami beliau ialah lagu tersebut mempunyai unsur politik kerana terdapat beberapa perkara yang dinyatakan seperti “modenisasi hanya untuk haiwan di rimba, globalisasi cuma tuan si hamba, ooo monarki untuk apa, badut-badut istana lalala”. Biarpun ia bersifat metafora namun ia seperti ditujukan kepada pihak pemerintah negara.

Bagi Nazrin lagi (2017: temu bual), muzik indie boleh memberi pengaruh kepada kelompok muda terutamanya namun tidak boleh menjadi yang terkuat. Hal ini kerana, kebanyakan anak muda yang turun ke *gig* atau konsert hanya berminat untuk menganggukkan kepala kepada lagu dan bukan pula untuk memahami apa yang ada di sebalik lagu yang disampaikan. Tambahnya, hanya segelintir daripada mereka yang berminat untuk mendalami maksud yang

---

tersirat sahaja yang akan benar-benar faham dan mungkin boleh turut terpengaruh. Beliau turut menyatakan bahawa muzik itu bukan sekadar hiburan semata-mata namun ia tetap bergantung kepada seseorang itu sama ada mereka ingin memandang serius atau hanya ingin berhibur.

## 5. Perbincangan

Budaya penentangan adalah suatu budaya yang bertentang dengan budaya umum. Budaya penentangan adalah budaya yang berperanan aktif dalam menentang sesuatu kekuasaan seperti budaya arus perdana. Budaya penentangan adalah bertujuan untuk menggongcang keabsahan struktur dan piramid dalam mana-mana sistem. Ia juga dikatakan muncul kerana terdapat desakan untuk mengubah nilai-nilai dominan dengan mencetuskan perspektif baharu (Musgrove, 1974). Menurut Sharifah (2014), budaya penentangan boleh dianggap sebagai suatu persamaan dengan budaya pembangkangan kerana ciri-ciri penentangan yang wujud dalam kedua-duanya. Budaya penentangan mula digunakan secara meluas di Amerika Utara pada sekitar tahun 1960-an. Ia digunakan untuk merujuk kepada penolakan secara terbuka kepada nilai-nilai arus perdana dan pengamalan budaya penentangan ini amat popular dalam kalangan golongan muda pada ketika itu. 1960 merupakan tempoh masa yang sulit buat rakyat Amerika kerana tekanan terhadap isu-isu kemiskinan, peluang pendidikan, hak untuk warga kulit hitam, perperangan dan lain-lain lagi (Brownell, 2011). Pelbagai insiden berlaku sepanjang tempoh tahun tersebut menandakan permulaannya budaya penentangan. Sebagai contoh, festival rock pertama yang terbesar di Amerika iaitu *The Monterey International Pop Festival 1967* yang bukan sahaja satu permulaan baharu dalam dunia muzik akan tetapi satu permulaan baharu untuk gerakan semangat dan politik. Selain dari itu, *Festival Muzik Woodstock 1969* merupakan simbol gerakan penentangan di Amerika Syarikat. Ia mempunyai persamaan dengan *The Monterey International Pop Festival* kerana membawa perubahan yang besar dalam persembahan muzik (Brownell, 2011). Ringkasnya, sentimen budaya penentangan boleh dilihat daripada revolusi muzik yang dibawa oleh kedua-dua festival muzik ini. Hal ini kerana, mereka membawa satu bentuk revolusi persembahan yang tidak selari dengan aliran arus perdana pada ketika itu.

Justeru, tidak hairan jika Muzik indie pada awalnya digelar muzik alternatif kerana dianggap berbeza daripada muzik arus perdana. Desas-desus mengenai muzik indie adalah muzik yang membawa unsur penentangan juga mulai tersebar. Walau bagaimanapun, Hafiz (2017:temu bual), menyatakan bahawa apa-apa sahaja jenis muzik adalah makanan rohani dan mempunyai pecahan iaitu ‘makanan murahan’ ataupun ‘high-end’. Muzik indie boleh dikatakan ‘high-end’ kerana terdapat mesej-mesej di sebalik lagu. Walau bagaimanapun, ia sukar dihadam dan memerlukan takrifan sendiri. Ia juga tidak semestinya bersifat penentangan atau perlawanan. Terkadang ia hanya berkongsi tentang masalah-masalah yang sedang berlaku dan bukan pula berniat untuk mengajak pendengar bangun memberontak. Penentangan indie dari sudut idea itu mungkin adalah benar kerana muzik indie sememangnya tidak selari dengan muzik arus perdana. Berkongsi pendapat yang sama, Ahmad (2017: temu bual) berpendirian bahawa muzik indie bukan membawa budaya penentangan akan tetapi ia adalah lebih kepada pandangan peribadi penulis tentang isu semasa. Perkara yang hampir sama dikongsi oleh Pitahati (2017: temu bual) di mana menurut Hidayat, indie kini tidak lagi dilihat sebagai ‘counter-culture’ akan tetapi dilihat sebagai ‘main culture’. Jika sekitar tahun 1980-an dan 1990-an, ia mungkin dipandang sebagai budaya penentangan kerana mereka bukan sahaja menolak idea muzik arus perdana, malah mereka turut menyelitkan semangat politik sebagai

---

tanda penentangan. Walau bagaimanapun, menurutnya, indie dahulu lebih dikenali sebagai aliran alternatif kerana ‘makanannya’ berbeza dengan ‘makanan’ arus perdana. Tambah Hidayat, indie kini tidak lagi dilihat sebagai satu benda yang menjelikkan bagi orang ramai. Bagi mereka, jika ada unsur penentangan dalam kumpulan mereka ia adalah lebih kepada penentangan terhadap diri sendiri. Mereka cuma menentang dari segi teknikal kerana muzik Pitahati adalah berbeza daripada muzik genre lain.

Oleh itu, menentang dari segi muzik atau politik, tetap sahaja perkataan menentang itu relevan dalam muzik indie. Saiful (2017: temu bual) kurang pasti akan kebenaran penentangan dari segi politik dalam muzik indie namun menyatakan bahawa jika diteliti dengan selanjutnya mesej di sebalik lagu-lagu indie mungkin dapat dibuktikan bahawa muzik indie bukan bersifat penentangan secara teknikal sahaja, malah secara politik juga. Merujuk kepada lagu ‘Panik’ daripada *Bunkface*, ia pernah digam oleh stesen radio awam kerana dikatakan mempunyai perkataan yang mungkin bersifat politik. Biarpun dinafikan oleh kumpulan ini, akan tetapi tafsiran orang ramai merumuskan bahawa kumpulan ini menyebarkan pesanan politik dalam bentuk lagu. Bagi Fazrullah (2017: temu bual), ia mungkin adalah budaya penentangan seperti yang diuar-uarkan namun ia bukan budaya penentangan secara terus kerana berselindung di sebalik lirik yang puitis. Sedikit sebanyak ramai yang mempersetujui bahawa muzik indie dan budaya penentangan itu saling berkait tidak kira penentangan dari revolusi muzik atau revolusi politik.

## 6. Rumusan

Oleh yang demikian, jika muzik indie benar-benar merupakan satu genre alternatif yang bukan sahaja cuba melakukan revolusi dalam seni muzik, malah politik juga, ia masih belum dapat dilihat sebagai ancaman besar buat mana-mana pihak politik. Hal ini kerana, tidak ada lagi sekatan-sekatan dari pemerintah atau autoriti tertinggi terhadap muzik indie. Malah, yang ada, hanya undangan daripada pihak tersebut kepada pemuzik indie untuk terlibat dalam acara-acara yang dikendalikan oleh mereka. Oleh itu, mungkin benar apa yang dikatakan oleh Hafiz, Saiful dan Fazrullah di mana protes atau ancaman yang ditujukan kepada pihak pemerintah itu adalah dalam bentuk tersirat. Mungkin kerana itu, pihak autoriti tidak mempedulikan sebarang mesej yang cuba disampaikan kerana ia dikatakan sukar untuk difahami. Perkara yang sama terjadi di Indonesia di mana kumpulan muzik *Efek Rumah Kaca* iaitu sebuah kumpulan indie dikatakan membawa mesej-mesej bukan sahaja sosial malah politik juga dalam album terbaru mereka iaitu ‘Kamar Gelap’. Ia telahpun dikaji dalam penelitian Reza Fajri (2014) yang merasakan bahawa terdapat mesej penting yang cuba disampaikan oleh kumpulan ini melalui lirik-lirik mereka. Tuntasnya, apa dimaksudkan sebagai budaya penentangan itu tidak semestinya mengajak seseorang untuk memberontak atau berdemonstrasi. Ia mungkin hanya menolak apa-apa sahaja perkara arus perdana dan cuba mereformasikan sesuatu kepada yang baharu. Hal ini termasuklah muzik, politik dan sebagainya. Biarpun indie dikaitkan dengan budaya penentangan, tidak semestinya jika seseorang itu mendengar dan memahami sesebuah lagu indie akan bangun berdemonstrasi dan melawan pemerintah. Maka, perkara ini turut berbalik kepada pentafsiran dan pemahaman seseorang itu sendiri serta bagaimana cara mereka melihat indie dan politik itu sendiri. Tuntasnya, biarpun muzik seperti indie mungkin mempunyai kebolehan dalam menjadi medium perantaraan politik, mengandungi pengaruh politik dan sebagai salah satu medium untuk menentang secara politik, ia masih lagi dipandang enteng oleh sebahagian masyarakat dan pihak pemerintah di Malaysia.

**Rujukan**

- Abd. Kadir Mohd Ayub. (2011). Fenomena Kelompok Indie. *Dewan Masyarakat*. 49(8): 10-18.
- Amir Husairi Sharif. (2009). Serangan Pengaruh Muzik Indie. Utusan Online. [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0215&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi\\_05.htm#ixzz4Y7DyF11U](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0215&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_05.htm#ixzz4Y7DyF11U) [Diakses pada 9 Februari 2017].
- Brownwell, R. (2011). *American Counterculture of the 1960s*. Lucent Books. Detroit, Michigan.
- Harian Metro*. 2012. 16 Jun.
- Haryati Karim. 2010. Platform Muzik Indie. Kosmo. [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0504&pub=Kosmo&sec=Hiburan&pg=hi\\_03.htm#ixzz4Y7DLp43n](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0504&pub=Kosmo&sec=Hiburan&pg=hi_03.htm#ixzz4Y7DLp43n) [Diakses pada 9 Februari 2017].
- Hasnurul Mohamed. (2012). OAG Meriahkan KL Indie Music Fest 2012. Utusan Online. <http://www.utusan.com.my/video/oag-meriahkan-kl-indie-music-fest-2012-1.10266> [10 Februari 2017].
- Haugen, D. M. dan Musser, S. (2011). *Popular Culture*. Greenhaven Press.
- Havids Adetya Husada. (2015). Dinamika Pergeseran Spirit Musik Indie: Studi Pada Komunitas Musik Indie Kudus Pop-punk. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Ilmu Sosial dan Humaniora, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyarkarta.
- Izwan Mohd. Isa. (2014). Grey Sky Morning Ikut Selera Pendengar. Kosmo. [http://kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0519&pub=Kosmo&sec=Hiburan&pg=hi\\_04.htm](http://kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0519&pub=Kosmo&sec=Hiburan&pg=hi_04.htm) [9 Februari 2017].
- Kemalia Othman. (2010). Hujan & Bunkface Terharu Muzik Indie Diterima. Mstar@The Star. <http://www.mstar.com.my/hiburan/berita-hiburan/2010/07/13/hujan--bunkface-terharu-muzik-indie-diterima/> [Diakses pada 9 Februari 2017].
- Kemalia Othman. (2011). Gig TV9 Berjaya Tarik 15,000 Pengunjung. Mstar@The Star. <http://www.mstar.com.my/hiburan/berita-hiburan/2011/07/11/gig-tv9--berjaya-tarik-15000-pengunjung/>. [9 Februari 2017].
- Kosmo*. 2009. 30 Mac.
- Malaysia Kini*. 2015. 10 Sep.
- Muhammad Rashidi Wahab dan Siti Nur Hidayah Kusnin. (2015). Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia. Jabatan Agama Islam Selangor.
- Nik Nazmi Nik Ahmad. (2015). Biro Tatanegara Lawan Muzik Indie. *Sinar Harian*. <http://www.sinarharian.com.my/mobile/rencana/biro-tatanegara-lawan-muzik-indie-1.403685>. [9 Februari 2017].
- Norliza Mohamad Zakaria. (2009). Twisties Bingit Cari Pemuzik Berbakat. Utusan Online. [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1109&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi\\_04.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1109&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_04.htm) [10 Februari 2017].
- Reza Fajri. (2014). Kritik Potret Realitas Sosial Dalam Musik: Analisis Semiotika Dalam Album Kamar Gelap Karya Efek Rumah Kaca. Tesis Sarjana, Fakultas Ilmu Dakwah dan Ilmu Komunikasi, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Ridzuan Abdul Rahman. (2017). Salammusik Diiktiraf. *Harian Metro*. <http://www.hmetro.com.my/node/203970>. [10 Februari 2017].
- Rizky Hafiz Chaniago & Fauziah Kartini Hassan Basri. (2011). Budaya Popular dan Komunikasi: Impak Kumpulan Slank Terhadap Slankers di Indonesia. *Jurnal Komunikasi*. 27(1): 93.

- 
- Rolling Stone Indonesia. (2012). 12 Apr.
- Roszak, T. (1969). *The Making of a Counter Culture*. Doubleday. Garden City, New York.
- Sharifah Nursyahidah Syed Annuar, Muhammad Febriansyah dan Muhammad Takiyuddin Ismail. (2016). *Punk, Penentangan dan Politik Transnasionalisme*. Strategic Information and Research Development Centre. Petaling Jaya, Malaysia.
- Shazryn Mohd. Faizal. (2009). Format Baru Hits 1. Utusan Online.  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0425&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi\\_02.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0425&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_02.htm). [10 Februari 2017].
- Storey, J. (2015). *Cultural Theory and Popular Culture: An Introduction*. Ed. ke-5. University of Sunderland. Pearson, Longman.
- Tengku Suzana Raja Hamat. (2008). Evolusi Baru Muzik Kita Itu Kamu dan Estranged. Kosmo.[http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0129&pub=Kosmo&sec=Hiburan&pg=hi\\_01.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0129&pub=Kosmo&sec=Hiburan&pg=hi_01.htm). [10 Februari 2017].

Temu bual

- Ahmad Farhan Amar. 2017. Putrajaya. Temu bual, 9 Feb.
- Fazrullah. 2017. Bangi, Selangor. Temu bual. 13 Feb.
- Hafiz. 2017. Corm, Jasin, Melaka. Temu bual. 3 Feb.
- Nazrin. 2017. Jalan Putra, Kuala Lumpur. Temu bual, 5 Mac.
- Pitahati. 2017. Politeknik Jasin, Melaka. Temu bual, 18 Mac.
- Saiful Azhar. 2017. Wangsa Maju. Temu bual. 5 Feb.